

ULASAN

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Para pemegang saham yang dihormati,

2019 merupakan tahun yang mencabar bagi Bursa Malaysia di mana kita menyaksikan prestasi pasaran terkesan dengan perkembangan di peringkat global dan domestik. Dengan ketidakpastian yang berlarutan, aktiviti pasaran terus berkeadaan lemah apabila pelabur tidak aktif. Walau bagaimanapun, kami tetap fokus dan mengambil peluang ini untuk menyusun semula organisasi bagi meningkatkan peranan utama kami sebagai pengendali pasaran, pengawal selia barisan hadapan dan pemangkin pertumbuhan pasaran modal yang mampan untuk jangka panjang. Kami secara aktif mengadakan pembabitian bersama pihak berkepentingan dan mengambil langkah untuk menyemak semula, antara lain, struktur kos, bidang penambahbaikan kecekapan, peluang kerjasama, jurang penambahbaikan ekosistem dan keperluan teknologi.

Inisiatif Bursa Malaysia pada tahun 2019 mencerminkan usaha kami untuk menggabung dan menyediakan asas-asas untuk pertumbuhan seterusnya. Matlamat kami adalah untuk mewujudkan pasaran yang lebih dinamik, menawarkan pilihan dan nilai yang lebih besar, serta pengalaman yang lebih lancar bagi semua.

Dalam meneruskan perjalanan ini, kami sedar akan keperluan untuk mewujudkan pasaran yang cergas dan menarik di ASEAN. Tumpuan kami kekal terhadap misi kami untuk:

Memberi kemudahan akses kepada pelbagai produk dan perkhidmatan yang menarik kepada peserta pasaran global

Menjadi organisasi berprestasi tinggi dengan budaya yang didokong oleh data, dipacu dengan inovasi dan teknologi, serta diperkukuhkan oleh perkongsian strategik

Memupuk pembangunan mampan dalam pasaran dengan menggalakkan pertumbuhan yang bertanggungjawab, di samping memudahcara pengumpulan dana, nilai dan penciptaan kekayaan untuk semua

Berbekalkan misi ini, kami memperhalusi fokus kami kepada tiga bidang teras - meningkatkan keberkesanan organisasi, memanfaatkan teknologi dan inovasi serta menjalinkan perkongsian strategik untuk memacu pertumbuhan.



Permodalan
Pasaran Sekuriti

**RM1.7
trillion**

Keuntungan Selepas
Cukai dan Kepentingan
Minoriti

**RM185.9
juta**

Jumlah Dividen

**20.8
sen sesaham**



Datuk Muhamad Umar Swift

Meningkatkan keberkesanan organisasi

Pada tahun 2019, kami memulakan usaha untuk menstruktur semula organisasi bagi memacu ketangkasan perniagaan yang lebih tinggi dan mempercepatkan pertumbuhan. Secara ringkas, kami inginkan sebuah organisasi yang lebih terbuka yang diperkasakan untuk bertindak pantas dalam memenuhi keperluan pasaran. Pertama, adalah perlu untuk mewujudkan struktur organisasi yang optimum – disertai dengan bakat yang diperlukan dan dibangunkan untuk mengharungi landskap industri dan keperluan pelanggan yang berkembang.

Kedua, pembentukan semula budaya merupakan satu lagi keutamaan. Kami ingin menggalakkan budaya yang tangkas – merangkumi dan pantas menyesuaikan diri dengan perubahan, teknologi baharu dan dorongan disruptif. Menggalakkan pemikiran cara baharu dan mencabar situasi yang tidak berkembang (*status quo*) mampu membuka jalan kepada kaedah terkini dan kreatif untuk menyelesaikan isu dan merebut peluang yang ada.

Ketiga, kajian semula yang menyeluruh ke atas proses perniagaan dan operasi kami adalah wajar. Kami perlu menentukan bidang yang boleh ditambah baik, diautomasikan dan dioptimumkan. Kajian semula ini memberi peluang untuk mengenal pasti bidang-bidang yang mungkin kami tidak berikan tumpuan sepenuhnya tetapi berpotensi untuk memacu pertumbuhan yang lebih besar. Wujud peluang untuk proses perekayasaan (*re-engineer*), yang boleh dilaksanakan sebahagiannya melalui pelaburan dalam teknologi, untuk menambahbaik struktur kos dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kami.

Melangkah ke hadapan, kami akan mengambil pendekatan pragmatik yang berasaskan analisis manfaat kos untuk memastikan penggunaan sumber yang optimum, dari perspektif modal insan dan kewangan. Kami ingin menyampaikan keperluan pelanggan, di samping kekal fokus kepada keuntungan dan peningkatan aliran pendapatan.

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Memanfaatkan teknologi dan inovasi

Teknologi dan inovasi juga boleh membantu menyampaikan kecekapan yang diperlukan untuk bertindak pantas terhadap corak dan aliran terkini, serta bertindak sebagai pendokong penting bagi pertumbuhan. Selain penambahbaikan proses dan proses pengautomasian, kami telah dan akan terus melabur untuk menaik taraf memodenkan sistem teras dan titik sentuhan digital kami. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak berkepentingan di pelbagai forum, kami meningkatkan titik sentuhan digital kami dengan membangunkan sistem antara muka baharu atau meningkatkan platform sedia ada, untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna perkhidmatan kami.

- Pada bulan Jun 2019, kami melancarkan aplikasi *Bursa Anywhere*, platform elektronik perkhidmatan depository mudah alih pertama di ASEAN. Ini merupakan contoh utama usaha kami untuk mewujudkan pengalaman yang mudah dan cekap kepada pelabur. Pelabur kini boleh menyemak kesemua baki akaun CDS mereka secara keseluruhan dan menjalankan beberapa urusan niaga CDS secara elektronik, pada bila-bila masa, di mana sahaja. Kami akan terus meningkatkan keupayaan aplikasi ini, sebagai contoh, dengan membolehkan pembukaan akaun CDS elektronik pada penghujung tahun ini.
- Kami memperbaharui laman sesawang korporat Bursa Malaysia dengan wajah baharu agar menjadi peranti yang responsif. Peningkatan ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehbacaan dan memudahkan akses maklumat kepada pengguna di mana jua mereka berada.
- Pada tahun 2019, laman sesawang BursaMKTPLC juga disediakan dalam Bahasa Melayu, untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada pelabur mengikut pilihan mereka.
- Kami juga melancarkan program *Mirror, Learn & Trade* (MLT) pada tahun 2019. Ini merupakan program pendidikan maya pertama di Malaysia, dibangunkan dengan kerjasama beberapa penganalisis terkemuka di negara ini. Ia bertujuan menyediakan platform bagi pelabur berpotensi dan sedia ada untuk mempelajari dan menimba ilmu dalam pelaburan dan strategi untuk melabur di dalam pasaran saham.

Kami akan terus menambah baik pelbagai titik sentuhan digital kami untuk membolehkan para pelabur dan pihak berkepentingan menjalankan transaksi dan mengakses maklumat dengan lebih cekap.

Dalam tahun ini, kami juga telah menyiapkan Bukti Konsep (*Proof-of-Concept*) (POC) penyelesaian teknologi *blockchain* bagi pinjaman dan peminjaman sekuriti pertama kami yang dirangka untuk meningkatkan kecekapan operasi dalam tawaran peminjaman sekuriti dan permintaan pinjaman. POC, yang dijalankan dengan kerjasama pakar *fintech* dan rakan usaha sama industri, memperkenalkan pengetahuan, pandangan dan pengalaman praktikal baharu dalam memanfaatkan teknologi *blockchain* dan inovasi.

Untuk masa hadapan, kami akan meneruskan usaha untuk mengukuhkan organisasi, perniagaan dan pasaran melalui inovasi dan teknologi.

Menjalin perkongsian strategik untuk memacu pertumbuhan

Menjalin hubungan dengan pengawal selia, penggubal dasar, rakan bursa serantau dan rakan ekosistem kami adalah penting demi kejayaan jangka panjang Bursa Malaysia dan pasaran keseluruhannya. Untuk tujuan ini, kami terus mengadakan penglibatan bersama pihak berkepentingan untuk membangunkan pasaran modal dengan mengenal pasti isu, menambahbaik kecekapan, dan mewujudkan penyelesaian. Seterusnya, melalui kerjasama dengan pengawal selia dan peserta industri, matlamat kami adalah untuk menggalakkan sebuah ekosistem yang fasilitatif dan mesra pasaran.

Kami telah bekerjasama erat dengan para penerbit saham untuk memperkenalkan produk pelaburan yang lebih menarik kepada pasaran. Contohnya, ETF Leveraj dan Berbalik pertama di Malaysia telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 29 November 2019. Produk inovatif yang baharu ini memberi peluang kepada pelabur untuk meraih keuntungan dari trend pasaran menaik juga menurun. Ini adalah konsisten dengan pendekatan kami untuk menawarkan lebih banyak produk untuk memanfaatkan persekitaran pasaran yang berbeza kepada para pelabur.

Pelancaran *Mirror, Learn & Trade* (MLT) kami, yang dilaksanakan dengan kerjasama beberapa penganalisis terkemuka di negara ini, menunjukkan apa yang boleh ditawarkan oleh pasaran dengan usaha kolektif untuk meningkatkan penyertaan pasaran.

Kami memperbaharui perkongsian bersama Chicago Mercantile Exchange Inc (CME) untuk menyenaraikan produk Bursa Malaysia Derivatives Berhad (BMD) di CME Globex selama lima tahun. Pada masa yang sama, kami memperoleh 25% kepentingan ekuiti dalam BMD yang dipegang oleh CME sebelum ini. Berikutan pemerolehan itu, BMD menjadi anak syarikat milik penuh Bursa Malaysia, yang akan membolehkan kami menyelaras operasi dan mengembangkan penawaran dalam pasaran derivatif.

Kami juga terus menjalin hubungan dengan Dalian Commodity Exchange (DCE) China melalui penganjuran bersama Persidangan Minyak dan Benih Minyak Antarabangsa China (CIOC) yang diadakan di Guangzhou, China pada 7 November 2019.

Melangkah ke hadapan, kami akan terus memperluaskan kolaborasi dengan para peserta industri serta penginovasi dalam industri *fintech* untuk mempercepatkan usaha kami dalam merealisasikan peningkatan pengalaman pelanggan di samping mencapai pengurangan kos. Kerjasama ini akan membolehkan kami memanfaatkan peluang baharu merentasi rantaian nilai pasaran modal bagi memenuhi keperluan industri dengan lebih baik. Sebagai contoh, pendekatan perkongsian dapat meningkatkan keupayaan kami untuk memanfaatkan aset data yang banyak bagi meraih pandangan semasa dan yang dijangkakan untuk mengenal pasti peluang yang ada.

Bursa Malaysia juga akan terus bekerjasama dengan para broker, bank pelaburan dan pengurus aset untuk meningkatkan kepelbagaian peserta dan produk ke dalam pasaran.

Bursa Malaysia juga sedang berbincang dengan beberapa bursa di Asia mengenai perkara yang berkaitan dengan kolaborasi merentasi sempadan. Tumpuan akan diberikan kepada inisiatif untuk memacu keterhubungan merentasi sempadan, penawaran produk antarabangsa, dan sokongan pembangunan modal insan.

Semua usaha kami adalah untuk mencapai objektif yang sangat mudah. Kami ingin menjadi entiti yang mengutamakan pelanggan - sama ada dalam penawaran produk dan perkhidmatan yang bersesuaian, atau meningkatkan pengalaman penglibatan dengan Bursa Malaysia. Kami yakin langkah-langkah ini adalah perlu untuk mengembangkan asas pelabur dan peserta pasaran dan seterusnya, pendapatan dagangan kami, terutamanya dalam segmen runcit. Kumpulan rakan niaga yang kukuh adalah penting untuk mempercepatkan kemajuan kami dalam menerima pakai teknologi terkini. Sehubungan ini, kami akan meneroka peluang perkongsian baharu secara aktif dan akan mempertimbangkan pelaburan yang disasarkan dalam inovasi dan teknologi melalui kerjasama dengan rakan strategik kami.

Ulasan Operasi

Dalam tahun yang dipengaruhi oleh halangan makroekonomi utama yang menjejaskan dagangan, Bursa Malaysia memperoleh Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) sebanyak RM185.9 juta. Ini merupakan penurunan sebanyak 17.0% daripada RM224.0 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Keputusan ini menunjukkan penyusutan dalam Pendapatan Operasi daripada RM523.3 juta pada tahun 2018 kepada RM480.1 juta pada tahun 2019 dan peningkatan sebanyak 2% dalam Perbelanjaan Operasi kepada RM246.2 juta disumbang oleh pelaburan berterusan kami dalam pemangkin pertumbuhan masa depan syarikat.

Gabungan perolehan korporat yang lemah dan pengelakkan risiko di kalangan beberapa pelabur telah melemahkan aktiviti dagangan di Pasaran Sekuriti. Pendapatan dagangan bagi tahun 2019 susut kepada RM232.8 juta, jatuh 12.4% daripada RM265.8 juta pada tahun sebelumnya. Jumlah dagangan adalah lebih rendah, dengan purata nilai harian (ADV) yang didagangkan bagi Transaksi Di Pasaran (OMT) di Pasaran Sekuriti jatuh sebanyak 19.3% kepada RM1.9 bilion pada tahun 2019, menurun daripada RM2.4 bilion pada tahun 2018. Perolehan bukan dagangan susut kepada RM161.0 juta, turun 2.9% daripada RM165.9 juta pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, perolehan daripada penjualan data pasaran terus berkembang pada tahun 2019, meningkat 6.5% kepada RM38.6 juta daripada RM36.2 juta pada tahun 2018. Perolehan daripada data pasaran terus kukuh dan dijangka akan menjadi sumber utama pertumbuhan pendapatan masa depan dalam usaha kami memperluaskan akses kepada maklumat pasaran untuk para pelabur.

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pasaran Derivatif menerima kesan negatif daripada ketidakpastian yang lebih rendah dalam pasaran ekuiti, menyebabkan kontrak yang berasaskan tanda aras FKLI didagangkan lebih rendah. Dagangan niaga hadapan minyak sawit mentah kekal kukuh walaupun harga minyak sawit mentah (CPO) lebih rendah, yang mengurangkan impak dagangan FKLI. Secara keseluruhan, Purata Kontrak Harian (ADC) dalam Pasaran Derivatif susut sebanyak 2.0% kepada 55,372 kontrak, daripada 56,488 pada tahun 2018, dengan jumlah kontrak sebanyak 13.5 juta yang didagangkan pada tahun 2019 berbanding 13.7 juta pada tahun sebelumnya. Ini menghasilkan penurunan pendapatan dagangan sebanyak 5.8% kepada RM72.3 juta berbanding RM76.7 juta pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, Bursa Malaysia mencatatkan ADC tertinggi bagi FCPO pada suku keempat tahun 2019 disebabkan ketidakpastian harga minyak sawit mentah yang melonjakkan harga minyak sawit mentah.

Pasaran Modal Islam sekali lagi menyaksikan pertumbuhan tahunan, dengan bilangan peserta dagangan dan jumlah dagangan di platform komoditi Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) meningkat pada tahun 2019. Purata nilai harian yang didagangkan (ADV) BSAS meningkat sebanyak 25.5% kepada RM30.6 bilion, didorong oleh penyertaan peserta domestik yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, perolehan perdagangan susut sebanyak 6.3% kepada RM14.0 juta disebabkan oleh skim penetapan harga berasaskan jumlah dagangan. Dagangan di BSAS dijangka dapat mengekalkan momentum pertumbuhan melalui penambahbaikan sistem selanjutnya serta penyertaan peserta domestik dan asing yang baharu di platform itu.

Perlu diingat bahawa meskipun persekitaran yang mencabar dan tidak menentu, Bursa Malaysia menyaksikan 30 penyenaian baharu, menjadikan kami kedua tertinggi di ASEAN, dengan jumlah dana terkumpul sebanyak RM2.02 bilion pada tahun 2019, berbanding 22 penyenaian pada tahun 2018 dengan sejumlah RM0.66 bilion dana terkumpul. Pencapaian ini merupakan bilangan IPO tertinggi Bursa Malaysia sejak tahun 2006 dan mengukuhkan keyakinan pelabur yang berterusan terhadap Bursa sebagai destinasi utama untuk pengumpulan dan perolehan modal. Sukacita juga dimaklumkan bahawa pada tahun 2019, penyertaan sektor runcit meningkat kepada 24.5% daripada jumlah nilai pasaran yang diniagakan, tahap tertinggi sepanjang lima tahun yang lalu.

Melangkah ke Hadapan

Melihat ke hadapan, jangkaan awal yang lebih baik bagi tahun 2020 telah disemak semula dan diturunkan berikutan ketidakpastian yang berhubung kait dengan wabak Covid-19 pada awal tahun 2020. Pasaran-pasaran ekuiti utama merudum atas kebimbangan terhadap risiko penularan dan telah menjejaskan sentimen, mengakibatkan sedikit peralihan dalam permintaan pelabur.

Menyedari tahap kesalinghubungan yang tinggi antara keadaan pasaran global dan tempatan, yang memberi kesan secara langsung terutamanya terhadap pendapatan dagangan dalam Pasaran Sekuriti, kami akan secara aktif mencari jalan untuk mempelbagaikan pendapatan dan mewujudkan lebih banyak sumber pendapatan. Kami percaya terdapat banyak cara untuk menambah pendapatan terutamanya dalam Pasaran Derivatif dan Pasaran Modal Islam, serta perniagaan data kami. Tumpuan khusus kami terhadap bidang ini akan membuahkan hasil pada tahun-tahun akan datang. Kami telah mencapai kemajuan pada tahun 2019 dan pada awal tahun 2020 dalam pasaran-pasaran ini. Pada Januari 2020, Bursa Malaysia Derivatives merekodkan lima dagangan tertinggi yang belum pernah dicapai sebelum ini, dan memperkenalkan kontrak opsi sawit olein pertama di dunia. Pada bulan Februari 2020, kami mengalu-alukan dua broker Islam tambahan yang menawarkan khidmat pembrokeran saham Islam di Bursa Malaysia-i.

Bursa Malaysia optimistik bahawa pelaburan dan usaha pengoptimuman kami akan memperengkap tenaga kerja kami untuk menghadapi cabaran pasaran dan merebut peluang. Kami akan terus melaksanakan rancangan kami untuk meningkatkan produktiviti dan tindak balas pasaran, memanfaatkan teknologi dan inovasi, dan mewujudkan perkongsian yang diperlukan bagi membolehkan kami memberikan pelabur pengalaman urus niaga yang lancar dan cekap dalam pasaran yang menarik.

Penghargaan

Bagi pihak Pengurusan Bursa Malaysia, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak berkepentingan dan pengawal selia atas sokongan dan kerjasama yang diberikan, kerana tanpa mereka, sebahagian besar pencapaian kami pada tahun 2019 tidak akan menjadi kenyataan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mantan Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Seri Tajuddin Atan. Terima kasih juga kepada mantan Ketua Pegawai Komersial, Puan Selvarany Rasiah, Ketua Pegawai Operasi, Datin Azalina Adham, dan Ketua Pegawai Kawal Selia, Puan Yew Yee Tee atas sumbangan yang diberikan ketika tempoh perkhidmatan mereka di Bursa Malaysia.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih dan sepenuh penghargaan kepada Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah atas nasihat dan bimbingan mereka. Saya amat bertuah kerana dapat bekerja bersama pasukan yang amat komited. Meskipun persekitaran operasi yang mencabar dan tidak menentu, 2019 merupakan tahun yang produktif dengan beberapa pencapaian utama dan penting berjaya dicatatkan. Prestasi ini sememangnya mencerminkan semangat kerja berpasukan.

Tahun 2019 merupakan tempoh peralihan di Bursa Malaysia. Kini kami lebih tertumpu untuk melangkah ke hadapan dengan rancangan ke peringkat pertumbuhan yang seterusnya. Kami tidak akan hanya berpuas hati dan berasa selesa. Kami akan berusaha untuk lebih cekap. Kami akan terus berkembang, untuk memenuhi keperluan pasaran atau meraih peluang yang ada.

Saya amat teruja untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam usaha mewujudkan sebuah pasaran modal yang cergas, fasilitatif dan menarik.



DATUK MUHAMAD UMAR SWIFT
Ketua Pegawai Eksekutif